

Penjawat awam tonggak pentadbiran kerajaan

BARISAN penjawat awam termasuk peringkat daerah merupakan tonggak pentadbiran di negara ini.

Sebagai contoh kata Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Aminuddin Harun, Pejabat Daerah dan Tanah Tampin (PDTT) berjaya mencapai kutipan hasil tanah melebihi 100 peratus pada tahun lalu walaupun suasana ekonomi yang tidak menentu akibat pandemik Covid-19.

Malah, PDTT juga berjaya mendapat markah 93 peratus dalam penarafan

bintang oleh Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan.

PENCAPAIAN berkenaan cukup membanggakan kerana Tampin menjadi daerah pertama di Negeri Sembilan yang mencapai markah melebihi 90 peratus.

"Terima kasih saya ucapan kepada semua penjawat awam yang memberikan komitmen dalam perhimpunan pentadbiran pada pagi ini," katanya sempena Perhimpunan Pentadbiran Peringkat Daerah Tampin di

Dewan Perdana Tampin, di sini, baru-baru ini.

Turut hadir, Setiausaha Kerajaan Negeri Negeri Sembilan, Datuk Dr. Razali Ab. Malik.

■ **AMINUDDIN HARUN** (dua, kiri) ditemani Dr. Razali Ab. Malik melihat seorang penjawat awam membuat pemeriksaan kesihatan sempena Perhimpunan Pentadbiran Peringkat Daerah Tampin di Dewan Perdana Tampin, baru-baru ini. - UTUSAN/NORAINNA HAMZAH

